# 6 program kejuruteraan
## melalui proses akreditasi



Oleh: NORUL FADILAH ABDULLAH

Baru-baru ini, Universiti Malaysia Pahang (UMP) telah menerima lawatan panel penilaian akreditasi daripada Lembaga Jurutera Malaysia (BEM) untuk membuat penilaian ke atas enam program kejuruteraan. Lawatan selama dua hari bermula 5 hingga 6 April 2011 yang lalu melibatkan Fakulti Kejuruteraan Mekanikal dan Fakulti Kejuruteraan Elektrik & Elektronik di UMP Kampus Pekan makanala Fakulti Kejuruteraan Kimia & Sumber Asli (FKKSA) dan Fakulti Kejuruteraan Awam & Sumber Alam (FKASA) di UMP Kampus Gambang.

Tujuan lawatan diadakan adalah untuk menilai program kejuruteraan di fakulti berkenaan berdasarkan Manual Penilaian Program Kejuruteraan. Enam program kejuruteraan tersebut adalah Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Mekanikal di FKM dan Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Elektrik (Elektronik) di FKEE.

Manakala empat program lagi masing-masing satu di FKASA iaitu Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Awam dan tiga lagi di FKKSA melibatkan program Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Kimia, Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Kimia (Bioteknologi) dan Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Kimia (Teknologi Gas).

Dalam program lawatan itu, seramai 13 panel penilai telah hadir dan kesemua panel telah diberi penerangan mengenai universiti oleh Naib Canselor, Profesor Dato' Dr. Daing Nasir Ibrahim termasuk menyatakan beberapa proses pembangunan pengajaran dan pembelajaran secara umum melibatkan program yang akan diakreditasi.

Lawatan tertumpu kepada taklimat dan soal jawab bersama Dekan dan staf akademik fakulti, pemeriksaan dokumen di fakulti terlibat dan lawatan ke sekitar UMP (Perpustakaan, Dewan Kuliah dan Bilik Kuliah). Temu bual bersama pemegang taruh (*stakeholder*) juga turut diadakan melibatkan wakil industri, ibu bapa dan Alumni UMP.

Beberapa aspek turut diberi perhatian oleh panel pada kali ini terutama mengenai kemudahan makmal, pembangunan penilaian kendiri, pembangunan staf akademik, pembaikan kualiti secara berterusan dan lain-lain lagi.

Secara keseluruhan, hasil daripada lawatan pada kali ini para panel berpuas hati dengan perkembangan bagi setiap program kejuruteraan tersebut selaras dengan kriteria yang ditetapkan dalam manual terutama berkenaan dengan penggunaan sistem pengurusan integrasi (IMS) yang dilihat telah meletakkan UMP kepada tahap kematangan yang tinggi.

Namun begitu, beberapa aspek juga perlu ditambahbaik khususnya berkenaan aspek pembangunan staf, penyediaan dana untuk menjalankan penyelidikan, proses penandaarasan dengan institusi lain dan meningkatkan bilangan Jurutera Profesional.

Di harap dengan respon yang positif serta komen yang membina ini dapat memberi keyakinan kepada semua pihak terutama para pelajar bahawa program kejuruteraan di Universiti ini sentiasa releven dan diiktiraf oleh badan profesional yang dilantik.





